

PERLINDUNGAN KEMASLAHATAN KANAK-KANAK DALAM PERKAHWINAN: SATU PENELITIAN MENURUT HUKUM SYARAK

Redwan Yasin¹
Sayuti Ab. Ghani²

¹Pensyarah, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia. (E-mail: redwan@upnm.edu.my)

²Professor, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

Abstrak: Perkahwinan kanak-kanak adalah merupakan isu sosial yang sering mendapat perhatian terutamanya dalam kalangan masyarakat beragama Islam di Malaysia. Ini kerana sekiranya kemaslahatan kanak-kanak tidak diberikan perhatian seperti yang digariskan oleh hukum syarak, maka dikhuatiri mampu menyebabkan ancaman terhadap diri dan masa depan yang bakal ditempuhi oleh mereka. Perlindungan kemaslahatan tersebut penting bagi mengelakkan kebarangkalian berlakunya penganiayaan terhadap hak asasi kanak-kanak berpunca daripada kecuaiannya pihak yang sepatutnya memikul tanggungjawab tersebut. Oleh yang demikian, kertas kerja ini bertujuan membincangkan tentang aspek-aspek kemaslahatan kanak-kanak yang wajib diberikan perhatian dan perlindungan sebelum terbentuknya ikatan perkahwinan. Kaedah kajian kepustakaan digunakan bagi mengumpulkan data untuk dianalisis mengikut metode analisis kandungan. Hasil penulisan menunjukkan bahawa hukum syarak telah menetapkan bahawa terdapat aspek-aspek utama yang wajar dilindungi oleh wali perkahwinan bagi yang menjaga kemaslahatan kanak-kanak. Kesemua aspek tersebut seharusnya diberikan keutamaan sebelum perkahwinan berlangsung bagi mengelakkan kemudaratan terhadap kanak-kanak sepanjang tempoh perkahwinan.

Kata Kunci: Kemaslahatan, Perkahwinan Kanak-kanak

Pendahuluan

Pada zaman kini, isu penganiayaan dan pencabulan hak asasi kanak-kanak berpunca daripada perkahwinan bawah umur sangat diperbincangkan terutamanya yang melibatkan individu beragama Islam. Tidak dinafikan hukum syarak membenarkan wali untuk mengahwinkan kanak-kanak yang di bawah jagaannya. Akan tetapi kuasa perwalian tersebut seharusnya dilaksanakan dengan penuh ketelitian dan keadilan bagi mengelakkan sebarang kezaliman terhadap diri kanak-kanak seperti yang ditekankan oleh hukum syarak. Perkahwinan yang dilangsungkan seharusnya menyuntik rasa kebahagiaan dan ketenangan dalam jiwa kanak-kanak. Sebaliknya sekiranya wali alpa dan tidak menitikberatkan aspek-aspek kemaslahatan diri kanak-kanak, maka perkahwinan tersebut hanya akan memberikan kemudaratan dan kesengsaraan pada kanak-kanak tersebut.

Kemaslahatan Kanak-Kanak dalam Perkahwinan

Secara asasnya, menurut al-Syatibi menjelaskan bahawa tujuan hukum syarak adalah untuk mewujudkan kebaikan buat seluruh manusia dengan mengharuskan perkara-perkara yang bermanfaat dan mencegah daripada perkara-perkara yang bakal merosakkan diri mereka (al-Syatibi, t.t). Konsep asas yang dijelaskan oleh ulama berhubung falsafah pensyariatian hukum syarak ialah bagi memberikan kemaslahatan dan menolak kemudaratan. Ini adalah kerana

setiap perkara yang diharuskan dalam Islam pastinya mendatangkan kebaikan buat insan sekiranya dilaksanakan dengan kaedah yang tepat mengikut al-Quran dan as-Sunnah (Abdurrahman Kasdi, 2014). Oleh yang demikian, keutamaan dari sudut penentuan kemaslahatan di bawah Maqasid as-Syariah adalah memfokuskan kepada aspek *dharuriyyat* yang merupakan perkara-perkara asas bagi setiap insan untuk meneruskan kelangsungan hidup di dunia, dan tanpa kewujudannya akan menyebabkan kerosakan dan kemusnahan dalam diri insan.

Penurunan syariat Islam termasuklah perkahwinan hanya untuk memberikan kemaslahatan insan dalam kehidupan di dunia dan memberikan pengakhiran mulia di akhirat kelak. Haruslah difahami bahawa aspek-aspek kemaslahatan yang dititikberatkan dalam Islam tidak hanya terbatas untuk kebaikan di dunia, malah memberikan ganjaran besar di akhirat kelak. Antara objektif syariah yang utama bagi perkahwinan ialah bagi memelihara keturunan dan menjaga kehormatan diri manusia supaya tidak dicemari dengan dosa kemungkaran di sisi Allah SWT. Ikatan perkahwinan akan mengangkat darjat insan dengan tanggungjawab perkahwinan yang wajib dilaksanakan. Menurut Jerimiah (2013) menjelaskan bahawa keputusan para ulama dalam mengutamakan penjagaan masalahat adalah bertujuan untuk memastikan setiap perbuatan yang disandarkan kepada dalil hukum syarak bukanlah bersifat sia-sia atau membawa kerosakan. Akan tetapi pelaksanaan hukum mengikut kaedah yang tepat akan memberikan natijah kesejahteraan kepada agama, kehidupan, akal, keturunan dan harta benda yang dimiliki insan.

Seperti yang diperjelaskan sebelum ini, kemaslahatan bagi golongan kanak-kanak dalam perkahwinan adalah merupakan perkara utama yang dipertanggungjawabkan oleh hukum syarak ke atas pihak wali khususnya bapa pengantin perempuan. Hal ini adalah kerana jika diteliti, terdapat keistimewaan dan kemaslahatan khusus yang perlu dijaga sebelum melangsungkan perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak. Menurut Ibnu Manzur (2005) mendefinisikan istilah *al-Sighar* sebagai golongan kanak-kanak iaitu sebagai sesuatu yang berlawanan dengan maksud dewasa atau tahap umur majoriti. Beliau juga menjelaskan bahawa penggunaan istilah tersebut juga selalunya merujuk kepada maksud suatu sifat atau ciri yang wujud pada diri setiap insan dari awal kelahiran hingga mencapai tahap baligh.

Manakala istilah kanak-kanak adalah bermaksud budak lelaki atau perempuan yang masih kecil dan kebiasaannya belum berumur lebih daripada 7 atau 8 tahun. Golongan remaja pula ditakrifkan sebagai individu yang ke arah dewasa, mencapai tahap akil baligh dan cukup umur untuk berkahwin (Noresah Baharom et al. 2015). Dari sudut pengamalan undang-undang di Malaysia, seksyen 2 (1) Akta Kanak-kanak Pindaan (2016) menjelaskan bahawa istilah kanak-kanak adalah merujuk setiap individu yang berumur di bawah lapan belas tahun. Takrifan ini adalah selari dengan peruntukan di bawah artikel 1 Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak 1989. Konvensyen tersebut digubal khusus bagi memberikan peringatan dan menegaskan keperluan khusus bagi golongan kanak-kanak serta menghendaki pihak kerajaan agar mengambil tanggungjawab untuk memelihara kesejahteraan kanak-kanak agar hak-hak mereka diiktiraf (Portal Rasmi Jabatan Kebajikan Masyarakat).

Kaedah asas yang menunjukkan betapa Islam memelihara kemaslahatan kanak-kanak yang terlibat dengan perkahwinan di umur ialah dengan mensyaratkan hanya kategori wali mujbir sahaja yang berhak untuk mengahwinkan dan melangsungkan akad pernikahan. Hukum syarak berpandangan bahawa seorang bapa atau datuk yang merupakan wali mujbir dianggap sentiasa mempunyai perasaan penuh rahmat dan kasih sayang terhadap anak gadis yang di bawah tanggungannya. Sudah pasti wali mujbir adalah lebih teliti dan tidak mahukan kerosakan berlaku dalam hidup pengantin perempuan. Hukum syarak juga meletakkan syarat bagi wali mestilah memenuhi syarat baligh dan kesempurnaan akal bagi membolehkan mereka

mempertimbangkan kemaslahatan yang terbaik untuk pengantin perempuan (Rohmat, 2011). Peringatan yang tegas juga diberikan kepada wali supaya mementingkan kemaslahatan kanak-kanak dalam perkahwinan bawah umur, bukan sekadar memikirkan manfaat dan keuntungan yang bakal dinikmati oleh wali atau ahli keluarga yang lain di sebalik perkahwinan berlangsung (al-Khatib, 2002).

Antara aspek-aspek kemaslahatan kanak-kanak yang perlu diberikan perhatian oleh pihak wali ialah:

Pemberian mahar

Mahar dalam perkahwinan adalah merupakan pemberian harta atau sebarang bentuk manfaat oleh suami kepada isterinya atas sebab pernikahan atau berlakunya persetubuhan.¹ Kewajipan mahar dalam Islam mestilah merupakan suatu yang bernilai dan berharga bagi menjamin kebajikan isteri dalam perkahwinan. Para ulama menjelaskan bahawa mahar bukanlah syarat sah atau rukun pernikahan kecuali bagi mazhab Maliki yang meletakkan mahar sebagai salah satu daripada rukun utama. Kewajipan mahar adalah berdasarkan dalil al-Quran:

“Maka isteri-isteri yang telah kamu nikmati (setubuhi) bersama mereka, maka berikanlah maharnya (dengan sempurna) kepada mereka, sebagai suatu kewajipan” (al-Nisa’, 4:24)

Menurut Abdul Karim Zaydan (1993) menjelaskan bahawa kewajipan pemberian mahar adalah hukum yang disepakati oleh fuqaha. Setiap suami dikehendaki oleh syarak untuk menunaikan mahar seperti mana diwajibkan pemberian nafkah kepada isterinya setelah berlaku akad pernikahan yang sah. Mahar yang tidak disempurnakan akan tetap dikira sebagai hutang bagi menzahirkan betapa Islam memelihara kebajikan golongan isteri yang dinikahi. Malah mahar tersebut adalah merupakan hak eksklusif yang dimiliki oleh setiap isteri kerana sekiranya belum ditunaikan oleh suami seperti mana telah dijanjikan, maka isteri mempunyai hak untuk menafikan hak dan tanggungjawab yang perlu ditunaikan dalam perkahwinan termasuklah terhadap suaminya (Sabiq, 2000). Antara yang kelepasan hukum syarak yang diberikan kepada isteri selagi belum menerima pemberian mahar ialah berhak menolak ajakan suami untuk mengadakan hubungan kelamin dan juga tidak diwajibkan untuk melaksanakan tanggungjawab menguruskan hal ehwal rumah tangga yang lain (Mat Saad, 2007).

Begitu juga dalam konteks tanggungjawab wali untuk menjaga kemaslahatan kanak-kanak, maka mestilah dikahwinkan dengan lelaki yang sekufu dan pemberian mahar *mithl* yang bersesuaian. Menurut Zanariah (2013) menjelaskan bahawa sebagai contoh dalam situasi seorang bapa sukar berpeluang untuk mengahwinkan anak perempuannya dengan lelaki yang sekufu dengannya. Maka apabila mendapat peluang untuk mengahwinkan anak gadisnya dengan lelaki sekufu yang dicari, maka diharuskan untuk segera mengahwinkan anak gadis tersebut walau masih belum baligh, dengan syarat mahar yang diberikan hendaklah munasabah dengan keadaan pengantin perempuan bagi menjaga kemaslahatan kanak-kanak. Kepentingan mahar *mithli* dalam perkahwinan kanak-kanak bagi melindungi hak mereka dapat dilihat menerusi pandangan mazhab Hanafi yang mengharuskan selain wali mujbir seperti wali asabah untuk mengahwinkan kanak-kanak dengan syarat sekufu dan menggunakan mahar *mithl*. Sekiranya kedua-dua syarat tersebut tidak dipenuhi dan berlaku kezaliman, maka akad pernikahan tidak sah menurut syarak (al-Jaziri, 1935).

¹ Abdul Karim Zaydan, 1993, *Al-Mufasssal fi Ahkam al-Mar’ah wa al-Bait al-Muslim fi as-Syari’ah al-Islamiyyah*, Beirut: Muassasah al-Risalah

Kesediaan fizikal

Aspek kemaslahatan kanak-kanak yang penting untuk diberikan perhatian oleh pihak wali ialah kesediaan kanak-kanak secara fizikal untuk melakukan persetubuhan setelah menjalinkan ikatan perkahwinan. Hal ini sukar untuk dielakkan kerana dalam situasi perkahwinan normal, suami berhak untuk menuntut layanan batin daripada isteri dan hukum syarak mewajibkan isteri untuk menjalankan tanggungjawab tersebut selagi mana tiada keuzuran dari sudut syarak. Namun bagi keadaan pengantin perempuan yang masih dalam lingkungan umur kanak-kanak, maka terdapat perbincangan dalam kalangan ulama berhubung perkara tersebut. Sememangnya tiada had umur bagi pengantin perempuan dalam perkahwinan kerana kanak-kanak perempuan yang masih belum baligh tetap diharuskan berkahwin sekiranya mendapat persetujuan wali mujbir.

Namun demikian, bagi menjamin kemaslahatan kanak-kanak maka hukum syarak tetap menekankan kesediaan dan kemampuan diri kanak-kanak terutamanya secara fizikal sebagai suatu syarat utama sebelum suami melakukan hubungan kelamin. Malah terdapat segelintir ulama yang berkeras tidak bersetuju dalam mengahwinkan kanak-kanak perempuan yang masih belum baligh. Pandangan mereka adalah bersandarkan kepada golongan kanak-kanak tidak sesuai untuk dibebani dengan sebarang tanggungjawab kerana masih belum baligh. Malah justifikasi yang dinyatakan ialah perkahwinan kanak-kanak adalah bersifat *lagha* iaitu sia-sia kerana dari sudut fitrah mereka tiada kemahuan syahwat untuk hidup berpasangan yang merupakan matlamat bagi ikatan perkahwinan. Maka sebarang bentuk tindakan wali yang bertentangan dengan kemaslahatan dan mendatangkan risiko kemudaratan kepada kanak-kanak adalah dilarang oleh hukum syarak (al-Sarakhshi, 1983).

Oleh demikian, majoriti ulama daripada keempat-empat mazhab yang mengharuskan telah bersepakat menyatakan bahawa kanak-kanak tidak dibolehkan untuk diserahkan kepada suami bagi tujuan persetubuhan selagi mana belum mencapai tahap kesediaan yang meyakinkan. Sememangnya diakui bahawa akad pernikahan menghalalkan persetubuhan, namun bagi kategori kanak-kanak kecil yang dikahwini ketika umur kecil tidak harus diserahkan kepada suami sehingga berkelayakan untuk menjalankan tanggungjawab sebagai isteri dalam konteks persetubuhan (al-Haitami, 1938). Para ulama tidak mewajibkan mencecah tahap baligh, akan tetapi yang terpenting adalah kesediaan untuk hidup bersama secara zahir dan batin. Ini adalah isu utama yang sering kali dibangkitkan adalah hubungan kelamin antara lelaki dewasa dan kanak-kanak yang belum datang haid atau mencapai usia baligh. Secara logiknya, sudah pasti sekiranya persetubuhan berlaku akan menyebabkan kemudaratan dari sudut fizikal dan memberikan tekanan emosi kepada kanak-kanak kerana disetubuhi tanpa kesediaan diri. Malah sekiranya terjadi kehamilan disebabkan persetubuhan, kanak-kanak yang mengandung akan mengalami kemudaratan yang lebih hebat kerana terpaksa menjaga anak dalam kandungan ketika masih berusia kanak-kanak (Zanariah, 2013).

Kemaslahatan kanak-kanak dari sudut kesediaan fizikal wajar diberikan perhatian oleh pihak wali kerana merupakan sebahagian daripada isu kesihatan diri yang terangkum di bawah *Hifzu Nafs* iaitu kewajipan menjaga nyawa bagi manusia. Pandangan ini disokong oleh kajian perubatan yang menunjukkan bahawa perkahwinan kanak-kanak telah menyebabkan timbulnya perasaan tersisih dan depresi yang keterlaluan. Malah isu kesihatan yang pernah dibangkitkan ialah wujud jangkitan penyakit seksual kerana kurangnya kewaspadaan dalam diri kanak-kanak. Di samping itu, kanser serviks juga berpotensi untuk berlaku serta akan mewujudkan risiko ketika melahirkan anak kerana dilahirkan oleh seorang kanak-kanak (Nawal M. Nour, 2009).

Di samping itu, wali juga sewajarnya mendapatkan kepastian berhubung kesediaan kanak-kanak dari sudut fizikal sebelum melangsungkan perkahwinan. Kaedah yang terbaik

ialah dengan mendapatkan pengesahan daripada pengantin perempuan sendiri kerana hubungan kelamin yang dilakukan bersama kanak-kanak yang belum datang haid berpotensi untuk menyebabkan kesakitan dan kemudaratan fizikal, serta tekanan mental dan emosi kanak-kanak. Sungguhpun tidak dinyatakan larangan qat'ie berhubung hubungan kelamin suami dengan isteri yang masih kanak-kanak, akan tetapi mazhab Syafi'e menjelaskan bahawa disunatkan untuk wali mengahwinkan anak gadis setelah mencapai umur baligh, dan disunatkan juga untuk mendapatkan izin kanak-kanak terlebih dahulu memandangkan hubungan kelamin tidak boleh dielakkan setelah termeterai ikatan perkahwinan (al-Nawawi, 2000). Kesemua pandangan ulama tersebut menunjukkan tanggungjawab yang dipikul suami untuk menjaga kemaslahatan kanak-kanak dalam perkahwinan.

Realiti yang berlaku pada zaman kini menunjukkan bahawa keharusan hukum syarak berhubung perkahwinan kanak-kanak sering kali dikaitkan dengan gejala tidak bermoral seperti Pedofilia. Malah berlaku persendaan terhadap perbuatan Rasulullah SAW yang mengahwini Saidatina Aisyah RA ketika umur kecil. Oleh itu, sekiranya aspek kemaslahatan kanak-kanak dari sudut kesediaan fizikal tidak diberikan perhatian dan seterusnya menyebabkan berlakunya kemudaratan pada kanak-kanak, maka akhirnya akan memberikan kesan kepada kesucian hukum syarak. Maka pihak wali seharusnya memainkan peranan utama bagi mengelakkan tohmahan dan persepsi negatif terhadap hukum syarak dengan cara tidak sewenang-wenangnya mengahwinkan kanak-kanak yang masih belum mencecah umur baligh. Malah perbuatan tersebut boleh dielakkan sekiranya wali khususnya bapa mempunyai pengetahuan dan kefahaman terhadap tahap kemampuan sebenar kanak-kanak dari sudut fizikal untuk berkahwin serta memikul beban tanggungjawab yang berat untuk melayani suami (Abur Hamdi et. al, 2019)

Kesempurnaan akal

Selain itu, wali juga bertanggungjawab untuk menjaga kemaslahatan kanak-kanak dari sudut kesempurnaan akal dan tahap pemikiran kanak-kanak. Ini adalah kerana para ulama seperti al-Kasaniy (2000) menegaskan penentuan tahap kesediaan kanak-kanak secara fizikal dari sudut baligh sahaja tidak mencukupi bagi menjamin kemaslahatan yang menyeluruh. Akan tetapi yang terpenting ialah untuk memastikan akal fikiran kanak-kanak mencapai tahap yang sempurna iaitu *rusyid*. Menurut al-Tusiy (1987) menjelaskan bahawa antara syarat utama yang perlu dipenuhi bagi kanak-kanak untuk memikul tanggungjawab sebagai mukalaf ialah berakal dan memahami *khitab* iaitu hukum syarak atau perbuatan ibadah yang dilakukan oleh mereka.

Tidak dinafikan bahawa kematangan akal fikiran manusia adalah perkara yang akan menyusul setelah berlaku kematangan fizikal manusia. Menurut Wafa' (2012) menjelaskan kedua-dua tidak berlaku serentak kerana kebiasaannya kanak-kanak telah baligh dari sudut fizikal terlebih dahulu dahulu. Seterusnya perkembangan akal fikiran kanak-kanak ke arah kesempurnaan yang dipanggil sebagai *rusyid* akan berlaku secara perlahan-lahan bergantung kepada diri masing-masing. Antara yang menyumbang kepada kesempurnaan akal fikiran individu ialah pemakanan, persekitaran, cuaca, pendidikan dan pengalaman yang dinikmati oleh setiap kanak-kanak. Setelah kanak-kanak mencapai kesediaan fizikal melalui baligh dan kesempurnaan akal menerusi *rusyid*, maka barulah layak untuk diiktiraf sebagai ahliyyatu al-ada' al-kamilah kerana telah memiliki dua syarat utama iaitu *al-Idrak* (kemampuan untuk memahami) dan *al-Ikhtiar* (kemampuan untuk memilih). Hukum syarak menetapkan bahawa baligh dan *rusyid* mempunyai hubung kait yang rapat dalam memahami perubahan pada diri kanak-kanak terutamanya perempuan. Penjelasan ulama berhubung *rusyid* ialah sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah SWT mengenai kaedah pengurusan harta anak yatim;

“Dan ujilah anak-anak yatim itu (sebelum baligh) sehingga mereka cukup umur baligh (dewasa), kemudian jika kamu merasakan mereka telah mempunyai tanda-tanda kecerdasan dan kesempurnaan akal (*rusyid*) dan berkebolehan menjaga harta mereka sendiri, maka serahkanlah kepada mereka harta yang dimiliki, dan janganlah kamu memakan harta anak yatim itu secara terburu-buru (merebut peluang) sebelum mereka mencapai umur dewasa” (al-Nisa’, 4:6)

Menurut ahli tafsir menjelaskan bahawa ayat tersebut menjelaskan bahawa tahap *rusyid* boleh ditentukan dan diketahui setelah kanak-kanak dinilai setelah mencecah umur baligh. Ini adalah kerana walaupun seorang kanak-kanak telah mencapai tahap baligh seperti yang ditetapkan oleh hukum syarak, akan tetapi tidak semestinya dia berkemampuan untuk berfikir dan membuat keputusan menggunakan akal fikiran yang matang dan sempurna. Oleh yang demikian, majoriti fuqaha’ mengingatkan bahawa penilaian yang dipanggil *al-Ikhtibar* perlu dilakukan terhadap kanak-kanak yang telah mencapai usia baligh (dewasa) supaya dapat menguji kadar kecerdasan akal fikiran dan ketajaman minda anak dalam menentukan sama ada perkara yang dilakukan bakal membawa kebaikan atau kerosakan terhadap dirinya sendiri. Malah para ulama menegaskan bahawa ujian tersebut haruslah dilakukan beberapa kali bagi mendapatkan kesahihan terhadap kesempurnaan akal fikiran kanak-kanak yang telah mencapai usia baligh (al-Zuhailiy, 2008).

Di samping itu, pendapat oleh al-Syirazi menyatakan bahawa istilah *rusyid* memberikan kelayakan kepada kanak-kanak untuk mendirikan pemerintah agamanya dan juga memelihara harta yang dimiliki tanpa sebarang tegahan atau sekatan oleh pihak lain. Malah segala keputusan yang dibuat adalah sah dan tidak perlu memohon kebenaran daripada wali atau penjagaa mereka (al-Syirazi, t.th). Haruslah difahami bahawa penentuan *rusyid* pada diri kanak-kanak memerlukan penelitian oleh setiap wali kerana memberi kesan kepada pelepasan hak dan kuasa yang dimiliki oleh wali tersebut terhadap diri kanak-kanak. Begitu juga dalam konteks perkahwinan yang melibatkan kanak-kanak, maka wali mengambil pendekatan yang efisien untuk menilai dan menguji kesempurnaan akal kanak-kanak sebelum bersetuju untuk mengahwinkan mereka

Oleh yang demikian, bagi menjamin kemaslahatan kanak-kanak maka setiap wali mestilah menguji tahap kesempurnaan akal fikiran kanak-kanak bagi memastikan kanak-kanak tersebut menepati ciri *rusyid* yang diperjelaskan oleh hukum syarak sebagai *al-Solah fi al-Mal wa al-Din* (kesempurnaan pada penjagaan harta yang dimiliki dan pemeliharaan agama). (al-Qurtubi, 1996). Wali mestilah berkeyakinan bahawa kanak-kanak telah melepasi tahap *rusyid* dan mempunyai kecerdasan akal yang mencukupi dalam membuat keputusan berhubung perbuatan yang mampu memberikan mereka kemaslahatan dan menolak kemudaratan sebelum membenarkan kanak-kanak untuk melakukan keputusan sendiri.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatlah disimpulkan bahawa hanya kategori wali mujbir sahaja yang diberikan hak menurut hukum syarak untuk mengahwinkan kanak-kanak walau tanpa persetujuan kanak-kanak tersebut. Malah terdapat syarat dan situasi tertentu sahaja yang membolehkan wali mujbir memaksa pengantin perempuan untuk berkahwin. Akan tetapi hukum syarak menetapkan wali tidak boleh sewenang-wenangnya mengikat kanak-kanak dengan perkahwinan yang diyakini memberikan kemudaratan pada diri mereka. Ini adalah

kerana wali bertanggungjawab sepenuhnya dari sudut hukum syarak untuk menjaga kemaslahatan kanak-kanak perempuan yang diletakkan di bawah tanggungannya. Terdapat beberapa aspek *dharuriyyah* berhubung kemaslahatan kanak-kanak yang wajib dipelihara dan diberikan penekanan oleh wali sebelum melangsungkan ikatan perkahwinan kanak-kanak.

Malah tidak dinafikan walaupun wali memiliki autoriti untuk mengahwinkan kanak-kanak, akan tetapi dari sudut siyasah syariyyah di bawah pengamalan undang-undang Islam, pihak qadi yang dilantik oleh pemerintah berhak untuk menilai perkahwinan kanak-kanak yang ingin dimeterai oleh wali. Kebenaran qadi dalam kes perkahwinan kanak-kanak adalah diperlukan bagi memastikan kepentingan dan kebajikan kanak-kanak terus dipelihara dan tidak sesekali dizalimi oleh arahan wali yang memberikan kemudaratannya pada diri kanak-kanak tersebut.

Rujukan

- Abdurrahman Kasdi, 2014, *Maqasyid Syari'ah Perspektif Pemikiran Imam Syatibi dalam Kitab Al-Muwafaqat*, Jurnal Pemikiran Hukum dan Hukum Islam. Vol 5, No 1
- Abdul Karim Zaydan, 1993, *Al-Mufasssal fi Ahkam al-Mar'ah wa al-Bait al-Muslim fi as-Syari'ah al-Islamiyyah*, Beirut: Muassasah al-Risalah
- Abur Hamdi et. al, 2019, *Pedophilia In Quranic Perspective: A Thematic Analysis*, Nóesis. Revista de Ciencias Sociales y Humanidades 4(18):439-444
- al-Haitami, Ahmad Ibnu Hajar, 1938, *Hawashi Tuhfatul Minhaj bi Sharh Minhaj*, Kaherah: Maktabah Tijariah Kubra
- al-Jaziri, 'Abd Al-Rahman., 1999, *Kitab al-Fiqh 'ala al-Madhahib al-Arba'ah*, Jil. 4, Kaherah: Dar al-Manar
- al-Kasaniy, Ala' al-Din Abi Bakr bin Mascud al-Hanafi, 2000, *Kitab bada'i' alSana' i fi Tartib al-Shara' iy*, Beirut : Darr Ihya' al-Turath al-Arabiyy
- al-Khatib, Sheikh Ali, *Fiqh al-Tifl: Dirasah Muqaranah fi Dau' al-Madhahib al-Fiqhiyyah al-Sab'ah*, Beirut: Mu'assasah al-'Arif
- al-Nawawi, Abi Zakariya Yahya bin Sharaf, 2000, *Rawdah al-Talibin (Tahqiq: Adil Ahmad 'Abd al-Mawjud*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- Al-Qurtubi, Abi Walid Muhammad bin Ahmad Ibnu Rusyd, 1996, *Bidayah al-Mujtahid wa Nihayah al-Muqtasid, Tashih al-Ustaz Muhammad al-Amad*, Beirut: Dar al-Turath al-Arabi
- al-Sarakhsi, 1983, *Kitab al-Mabsut*, Jil. 5 iv. 236; Ibrahim Fauzi, *Ahkam al-Usrah fi al-Jahiliyyah wa al-Islam*, Beirut: Dar al-Kalimah
- al-Syatibi, t.t, *Al-Muwafaqat fi Ushul al-Ahkam*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
- al-Syirazi, Abi Ishak Ibrahim bin Ali bin Yusof, t.th, *al-Muhadzzab fi Fiqhi al-Imam al-Shafie'*, *Tashih al-Sheikh Zakaria Imarat*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah
- al-Tusiy, 1987, *Najm al-Din Abu al-Rabi 'Sulaiman bin Sa' id al-Tusiy*, Sharh Mukhtasir al-Raudhah. Muassasah al-Risalah
- al-Zuhayli, Wahbah. 1985. *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Juz.7. Cet. 2. Damsyik: Dar al-Fikr
- Ibn Manzur, Muhammad ibn Mukarram, 2005, *Lisan al-'Arab*, Beirut: Dar Sadir
- Jeremiah J. Bowden, 2013, *Marriageable Age in Islam: A Study on Marriageable Age Laws and Reforms in Islamic Law*, LUX: A Journal of Transdisciplinary Writing and Research from Claremont Graduate University, Vol. 2 [2013], Iss. 1, Art. 5
- Mat Saad Abd. Rahman, 2007, *Undang-Undang Keluarga Islam: Aturan Perkahwinan: Suatu Pendekatan Berdasarkan Amalan Semasa*, Selangor: Intel Multimedia and Publication
- Nawal M. Nour, 2009, *Child Marriage: A Silent Health and Human Rights Issue. Reviews in Obstetrics and Gynecology*, 2 (1), 51-56. Ms. 53



- Noresah binti Baharom et al. 2015. *Kamus Dewan Edisi keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Rohmat, 2011, *Kedudukan Wali Dalam Pernikahan: Studi Pemikiran Syâfi'iyah, Hanafiyah, Dan Praktiknya Di Indonesia*, AL-'ADALAH Vol. X, No. 2 Juli 2011
- Sabiq, al-Sayyid, 2000, *Fiqh al-Sunnah*, Kaherah: Dar al-Fath li-al-'Ilam al-'Arabi
- Zanariah Noor, 2013, *Perkahwinan Kanak-Kanak dan Tahap Minima Umur Perkahwinan dalam Undang-undang Keluarga Islam*, Jurnal Syariah, Jil. 21, Bil. 2 (2013) 165-190